



Oleh **Noor Mohamad Shakil Hameed**

Jangan gadai prinsip demokrasi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyifatkan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh baru-baru ini sebagai yang paling ganas kerana dicemari pelbagai insiden provokasi antara penyokong parti politik yang bertanding. Malah, menurut Pengerusinya Tan Sri Abdul Aziz Mohd Yusof, PRK ini paling buruk pernah beliau alami kerana penuh keganasan daripada penyokong parti sehingga mencetuskan pelbagai insiden tidak diingini.

Dilaporkan berlaku beberapa insiden tidak wajar sepanjang tempoh berkempen sehingga hari pengundian. Antaranya dilaporkan seorang petugas SPR ditumbuk, seorang jurugambar cedera di kepala dan badan juga akibat ditumbuk, seorang anggota polis cedera di kepala selepas dibaling batu, sekurang-kurangnya empat kekecohan dilaporkan berlaku di pusat pengundian dan beberapa kenderaan polis juga dilaporkan dirosakkan, termasuk satu MPV milik sebuah parti dibakar.

Apakah kejadian seperti ini boleh kita jadikan sebagai kayu pengukur mentaliti penyokong parti politik di negara kita? Jelas mentaliti kumpulan ini sangat rendah, memalukan dan bertindak seperti manusia tidak bertamadun.

Senario ini sekali gus menjejaskan nilai dan etika pemahaman segelintir rakyat kita terhadap kepentingan menjunjung prinsip amalan demokrasi yang subur melalui proses pilihan raya. Pilihan raya satu kaedah pemilihan pemimpin mahupun wakil rakyat yang memberi peluang kepada pengundi untuk membuat pilihan tanpa sebarang paksaan dalam keadaan yang aman, tenang dan selamat. Apa yang berlaku baru-baru ini di Permatang Pauh boleh dikatakan sudah menghancurkan dan membunuh sistem demokrasi terbabit. Tindakan penyokong yang terlalu beremosi dan membuat provokasi mencetuskan pergaduhan seperti ini. Apakah ini sistem politik yang mahu kita banggakan?

Hakikatnya menang dan kalah adat pertandingan. Semua parti yang bertanding sudah pun diberikan masa secukupnya untuk membuat kempen dan meraih undi. Sewajarnya peluang itu digunakan sepenuhnya oleh calon dan parti yang bertanding secara bijak dan berhemah untuk mendekati pengundi dan menyampaikan manifesto dan janji masing-masing seterusnya meraih undi. Se-

patutnya pada hari pengundian kita perlu membiarkan pengundi keluar untuk menjalankan tanggungjawab mereka dalam suasana yang tenang dan selamat. Kenapa perlu tampilkan budaya samseng seperti ini sehingga boleh mendatangkan kecederaan, merosakkan harta benda awam serta menakutkan pengundi.

Pencemaran dan pencabulan terhadap proses pilihan raya dan sistem demokrasi seperti ini wajar dikecam dan dikutuk sekeras-kerasnya. Ini bukan budaya kita dan juga bukan budaya yang sihat dalam sebuah negara yang aman dan selamat yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Dalam konteks ini parti yang bertanding perlu bertanggungjawab sepenuhnya. Walaupun memang sukar untuk mengawal tindak tanduk semua anggota parti, namun tanggungjawab ini tetap perlu dipikul parti kerana gagal untuk mendidik dan membentuk disiplin ahli parti. Kegagalan mengawal penyokong masing-masing menyebabkan situasi menjadi semakin sukar dibendung. Ringkasnya parti politik tidak

wajar melahirkan samseng politik ataupun menyuruh ahli parti bertindak ganas sehingga mencetuskan pergaduhan seperti ini. Jangan cuba guna konsep matlamat menghalalkan cara untuk berebut kuasa.

Arena politik Malaysia tidak memerlukan individu dan budaya seperti ini. Kita mahu menjunjung prinsip demokrasi yang subur dan untuk itu budaya berpolitik masyarakat kita perlu berubah. Pemikiran yang kolot dan berlandaskan politik samseng dan ugutan perlu dihindari. Sedarlah bahawa pengundi zaman ini mahu ruang secukupnya untuk mereka menilai dan memilih wakil mereka secara matang dan profesional. Tiada sebab untuk bergaduh mahupun ugut-mengugut yang akhirnya merugikan semua parti dan calon yang bertanding.

Cukup-cukuplah mengamalkan politik murahan seperti ini. Rakyat mahukan politik yang matang dalam sistem demokrasi yang jujur, ikhlas, adil, telus dan berintegriti. Hentikanlah budaya samseng ini. Ini bukan budaya dan norma hidup masyarakat kita. Jangan sekali-kali mencabuli dan menggadai prinsip dan sistem demokrasi yang kita julang selama ini.

Penulis Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM

FAKTA

Pencemaran dan pencabulan terhadap proses pilihan raya dan sistem demokrasi wajar dikecam